

# Proses *tashih* al-Quran

## Bicara Qiraat

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

**P**ADA hari ini al-Quran dicetak dan boleh dikatakan setiap negara Islam mempunyai percetakan sendiri seperti Mesir, Libya, Lebanon, Malaysia dan lain-lain.

Negara yang paling banyak mengeluarkan Mushaf al-Quran ialah Arab Saudi melalui Percetakan Malik Fahd di Madinah al-Munawarah.

Menurut Dr. Muhammad al-Habsy, sejak ditubuhkan percetakan al-Malik Fahd telah mencetak al-Quran lebih daripada 100 juta naskhah.

Mushaf Madinah dicetak dengan penyeliaan yang amat teliti dan pengawasan di setiap proses percetakan oleh sekumpulan tenaga kerja yang mahir.

Ramai yang terkeliru dengan menganggap bahawa tulisan Mushaf Madinah dihasilkan daripada kecanggihan komputer kerana susun atur kalimahnyanya yang kemas dan bentuk hurufnya yang sama.

Tetapi sebenarnya ia adalah hasil tulisan seorang tokoh khat terkenal yang berasal dari Syria iaitu Sheikh Uthman Taha.

Mushaf Madinah mempunyai beberapa kelebihan, antaranya ialah tulisan khatnya mempunyai seni yang tinggi dengan mengambil kira keselesaan pembaca.

Selain itu, jawatankuasa penyemak dan pentashih adalah yang berwibawa dan pakar dalam bidang ilmu al-Quran.

Mengetuai lajnah penyemakan itu adalah Dr. Abdul Aziz Abdul Fattah Qari, bekas dekan fakulti al-Quran Universiti Islam Madinah dan Khatib Masjid Quba.

Dalam satu temuramah, beliau menyatakan sebelum Mushaf Madinah dicetak, lebih 100 kali semakan dilakukan oleh sekumpulan ulama dalam bidang al-Quran, tafsir dan bahasa Arab.

Nama-nama penyemak disenaraikan di helaan akhir mushaf dan tertera nama-nama seperti Sheikh Amir Ibn al-Sayyid Uthman, Dr. Abdul Azim Ibn Ali al-Syinawi, Sheikh Dr. Mahmud Sibawaih al-Badawi, Sheikh Mahmud Abdul Kaliq Jadu, Sheikh Abdul Fattah Ibn al-Sayyid Ajami al-Mirsafi dan lain-lain.

Semua mereka ini adalah ulama yang berasal dari Mesir, mempunyai penulisan yang banyak dalam bidang al-Quran dan berkhidmat sebagai pengajar di Fakulti al-Quran, Universiti Islam Madinah.

Nama pertama dan teratas ialah Sheikh Amir Ibn al-Sayyid Uthman. Jawatan beliau ialah Syeikh Qurra di Negara Mesir.

Walaupun beliau memegang jawatan Syeikh Qurra Mesir selepas meninggalnya Sheikh Mahmud Khalil al-Husari tetapi Sheikh Khali Husari adalah salah seorang muridnya.

Antara muridnya juga adalah Sheikh Qurra Masjid Nabi sekarang ini iaitu Sheikh Ibrahim Akhdar al-Qayyim.

Walaupun kita tidak perlu mengingati nama-nama besar dalam



AL-QURAN yang hendak dicetak di Malaysia mestilah mendapat kebenaran Kementerian Dalam Negeri. -Gambar hiasan

bidang al-Quran ini, tetapi perlu diingat mereka telah memberi sumbangan yang amat besar kepada penyebaran al-Quran ke seluruh pelosok dunia pada hari ini.

Saban tahun, setiap kali jemaah haji pulang ke tanah air, selain dari membawa pulang haji yang mabrur dan air zamzam, mereka juga dihadihkan senaskhah Mushaf Madinah.

Di Malaysia, al-Quran yang hendak dicetak mestilah mendapat kebenaran dari Kementerian Dalam Negeri.

Melalui Unit Kawalan al-Quran, satu

Jawatankuasa lajnah akan menyemak seluruh al-Quran dengan mengenal pasti kesalahan yang terdapat.

Jika kesalahan tersebut boleh diperbetulkan dan hanya bersifat teknikal semata-mata, naskhah al-Quran itu diizinkan untuk dicetak selepas diperbetulkan semua kesalahan.

Justeru al-Quran yang dicetak di Malaysia telah melalui satu proses semakan yang teliti dari pihak Lajnah Tashih al-Quran yang memastikan tiada kesalahan dan semua nas al-Quran adalah betul dan tepat.

**Saban tahun, setiap kali jemaah haji pulang ke tanah air, selain dari membawa pulang haji yang mabrur dan air zamzam, mereka juga dihadihkan senaskhah Mushaf Madinah**